

02/05/2002

Tiga negara Arab mahu cuba dinar emas

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Tiga negara Arab berkemungkinan besar mahu berurusan menggunakan dinar emas dalam urusan perdagangan dengan Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, malah sekurang-kurangnya 24 lagi negara yang mempunyai perjanjian dagangan dua hala dengan Malaysia, berpotensi turut menggunakan mekanisme sama.

"Kita sedang kaji negara mana yang sesuai. Waktu ini kita belum buat keputusan lagi. Bukan mudah nak bagi orang terima penggunaan satu mata wang tetapi kita yakin (boleh menggunakan dinar emas) dengan beberapa negara yang kita mempunyai hubungan rapat. Kita akan cuba promosikan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan selama sejam, diikuti sejam dialog pada Perhimpunan Hari Pekerja 2002 bagi sektor awam di Bukit Kiara dekat sini, hari ini.

Ditanya sama ada tiga negara Arab terbabit sudah bersetuju menggunakan mekanisme yang dicadangkan Malaysia itu, Dr Mahathir yang tidak menyebut nama negara berkenaan berkata mereka mungkin menerimanya.

Ketika di Rabat (Maghribi) baru-baru ini, beliau berkata, Malaysia merancang mengadakan percubaan berdagang menggunakan dinar emas dengan negara tertentu bagi meyakinkan negara Islam lain mengenai keupayaan konsep itu dengan Malaysia sudah mempunyai mekanisme bagi melaksanakannya tetapi konsep itu belum mendapat persetujuan semua negara Islam.

Pemimpin Libya, Muammar Gaddafi dalam pertemuan dengan Dr Mahathir dikatakan turut melahirkan minat mengenai dinar emas dan ingin mengetahui lebih lanjut mengenainya.

Perdana Menteri berkata, banyak lagi negara lain yang Malaysia boleh rundingkan bagi mengguna dinar emas dalam urusan perdagangan.

"Kalau kita berniaga dengan mereka, kita bayar dengan dinar... dia bayar kita dengan dinar juga. Kita ada perjanjian bayaran dua hala yang mana bagi waktu tertentu, kita jumlahkan import dengan eksport, kita bayar perbezaannya saja... jadi tak banyak penggunaan wang," katanya.

Ditanya bila penggunaan dinar emas itu boleh dimulakan, beliau berkata, Malaysia ingin menerokai butiran lanjut mengenai mekanisme itu apabila ia mengadakan seminar antarabangsa mengenainya di sini dalam tempoh terdekat ini.

Katanya, perkara itu bukan sesuatu yang mudah kerana ia agak luar biasa dan negara yang mahu menggunakannya pula perlu mengkaji kesan terhadap ekonominya serta hubungan mereka dengan negara lain.

Beliau berkata, tidak ada bantahan dari negara Barat terhadap penggunaan dinar emas dan sekarang ini pun e-dinar iaitu penggunaan dinar emas melalui pemindahan elektronik sudah digunakan oleh individu di Barat, bukan oleh negara tertentu.

Katanya, penggunaan dinar emas dalam pembayaran urusan dagangan tidak terdedah kepada spekulasi berbanding mata wang kertas kerana emas sentiasa mempunyai nilai, malah dinar emas boleh digunakan sebagai kredit bagi pembayaran dua hala.

Dr Mahathir berkata, Malaysia juga ingin mengembangkan penggunaan e-dinar dan berusaha untuk meyakinkan beberapa negara secara berperingkat supaya mudah difahami dan diterima.

"Kita bukan boleh nak paksa negara lain. Kalaupun negara kita sanggup nak guna, orang lain tak nak guna, kita tak boleh guna juga. Malah kita

boleh menggunakan dinar emas bukan saja dengan rakan dagangan utama, malah dengan negara kecil yang turut berdagang dengan kita. Kita tengok nanti bagaimana ia berjalan dan kita terpaksa menyelesaikan masalah kerana banyak masalah akan timbul," katanya.

Terdahulu, ketika menjawab soalan dalam majlis dialog itu, Perdana Menteri berkata dinar emas hanya digunakan untuk perdagangan pada peringkat antarabangsa dan ringgit pula akan tetap terus digunakan dalam negara.

Katanya, kira-kira 82 peratus dagangan Malaysia yang bernilai AS\$170 bilion setahun menggunakan urusan itu dalam dolar Amerika, yang ditambah pada nilai RM3.80 bagi setiap dolar.

"Kita tak boleh guna dinar emas untuk menjual-beli dalam negara... tak praktikal nak beli bawang pun pakai dinar. Sebenarnya nilai ringgit kita ada kaitan dengan dinar emas.

"Kita boleh pergi ke bank untuk membeli dinar dan dinar ini kita gunakan sebagai kredit untuk membeli barang dari luar negara," katanya.

(END)